



جابتن اكام إسلام فراق

JABATAN AGAMA ISLAM PERAK
TINGKAT 3, KOMPLEKS ISLAM DARUL RIDZUAN
JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB
30000 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN

Tel. : 05-208 4800
Faks : 05-255 5512
E-mail : jaipk@perak.gov.my

**Semua Pengerusi
Jawatankuasa Kariah
Masjid dan Surau Diri Jumaat**

Ruj. Kami: J.A.Pk.BPM.600-7/2/1(90)

Tarikh: 22 Rabiulakhir 1447
14 Oktober 2025

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan,

HEBAHAN TEKS KHUTBAH JUMAAT DAN ARAHAN PEMATUHAN PEMBACAAN TEKS KHUTBAH YANG DIKELUARKAN JABATAN AGAMA ISLAM PERAK

Didoakan semoga YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan, berada dalam rahmat Allah SWT dan diselubungi keindahan iman serta kemanisan amal. Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan Teks Khutbah Jumaat yang diedarkan dan akan dibacakan di seluruh negeri Perak bagi minggu ini adalah seperti berikut:

Tarikh	17 Oktober 2025 / 25 Rabiulakhir 1447
Tajuk	Jihad Menuntut Ilmu

3. Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Kariah Masjid dan Surau Diri Jumaat hendaklah memastikan **semua Pegawai Masjid (Imam) dan khatib jemputan** yang mendapat kebenaran daripada pihak Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak, mematuhi arahan pembacaan Teks Khutbah Jumaat yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Perak selaras dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Masjid Negeri Perak 2018.

Kerjasama dan perhatian YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan diucapkan *jazakumullahu khairan kathira*.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' HAJI HARITH FADZILAH BIN HAJI ABDUL HALIM)

Pengarah
Jabatan Agama Islam Perak

s.k: Semua Pegawai Tadbir Agama Daerah

MSN/HebahanKhutbah

"PERAK SEJAHTERA 2030"



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

“JIHAD MENUNTUT ILMU”

17 Oktober 2025 / 25 Rabiulakhir 1447

الْحَمْدُ لِلَّهِ¹ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَى وَدِينِ الْحَقِّ، لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَكَفَى بِاللَّهِ شَهِيدًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ³ أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Jemaah yang dirahmati Illahi

Marilah kita meningkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan mengerjakan setiap perintah serta menjauhi segala larangan Nya. Mudah-mudahan kita mendapat rahmat dan keampunan Allah SWT serta diberikan kebaikan di dunia dan akhirat. Mimbar akan menyampaikan khutbah bertajuk: “JIHAD MENUNTUT ILMU”

Firman Allah SWT:

﴿وَمَا كَانَ الْمُؤْمِنُونَ لِيَنفِرُوا كَافَّةً فَلَوْلَا نَفَرَ مِن كُلِّ فِرْقَةٍ مِّنْهُمْ طَائِفَةٌ لِّيَتَفَقَّهُوا فِي الدِّينِ وَلِيُنذِرُوا قَوْمَهُمْ إِذَا رَجَعُوا إِلَيْهِمْ لَعَلَّهُمْ يَحْذَرُونَ﴾^{١٢٢}

Bermaksud: “Dan tidak sepatutnya bagi orang yang beriman keluar semuanya (ke medan perang). Oleh itu, hendaklah sebahagian sahaja daripada mereka keluar (berperang) supaya mereka (yang tinggal) itu memperdalam ilmu pengetahuan tentang agama dan supaya mereka dapat mengajar kaumnya (yang keluar berjuang) apabila mereka itu pulang. Mudah-mudahan, mereka itu dapat menjaga diri mereka (daripada melakukan perkara-perkara yang dilarang Allah).

(Surah At-Taubah ayat 122)

¹ Memuji Allah

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa

Ayat tersebut menjelaskan tentang pembahagian peranan umat Islam; sebahagian dipertanggungjawabkan berperang untuk mempertahankan kesucian agama Allah, dan sebahagian yang lain ditugaskan mendalami ilmu untuk memberi kefahaman yang benar dalam usaha membangunkan ummah yang berilmu dan beramal soleh. Sesungguhnya kefahaman agama hanya diperoleh melalui ilmu dan menjadi jalan menuju kemuliaan. Nabi SAW bersabda:

مَنْ يُرِدِ اللَّهُ بِهِ خَيْرًا يُفَقِّهْهُ فِي الدِّينِ

Bermaksud: Apabila Allah menginginkan kebaikan pada seseorang, Dia akan memberikannya kefahaman dalam agama. (Hadis Riwayat Bukhari)

Di sisi Islam, menuntut ilmu dikira sebagai keluar berjihad di jalan Allah selaras hadis Rasulullah SAW:

مَنْ خَرَجَ فِي طَلَبِ الْعِلْمِ، كَانَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ حَتَّى يَرْجِعَ

Bermaksud: Sesiapa yang keluar kerana menuntut ilmu maka dia berada di jalan Allah sehinggalah dia pulang. (Hadis Riwayat At-Tirmizi)

Menuntut ilmu merupakan suatu usaha dan perjuangan untuk mendalami, memahami, menghayati dan mengamalkan ilmu demi kebaikan diri, masyarakat, agama dan negara. Menuntut ilmu disebut sebagai jihad kerana memerlukan pengorbanan besar dari segi masa dan harta, serta kekuatan jasmani dan mental. Menuntut ilmu akan membantu meningkatkan tahap kebijaksanaan seseorang insan, memperlengkap dirinya berupaya mengatasi kebodohan dan menentang kejahilan yang menjadi punca kemunduran, kelemahan, kegagalan dan perpecahan.

Ilmu yang dituntut untuk dipelajari mencakupi ilmu dunia dan ilmu akhirat agar terbina kehidupan duniawi dan ukhrawi yang seimbang. Pada zaman yang serba moden dan canggih ini, ummah perlu berjihad, menguasai pelbagai ilmu dunia dalam bidang-bidang penting seperti, sains, teknologi, perubatan, kejuruteraan, undang-undang, ekonomi dan perdagangan serta pelbagai lagi.

Umat Islam pernah mengecapi era kegemilangan tamadun, pada zaman Abbasiyah, Andalusia dan Uthmaniyyah dan kota-kotanya diiktiraf sebagai pusat perkembangan ilmu yang dihormati.

Jemaah yang dikasihi Illahi

Pada hari ini peluang menuntut ilmu terbentang luas, ditawarkan oleh pelbagai institusi pendidikan formal, bermula daripada peringkat pra sekolah sehingga ke peringkat pengajian pasca ijazah. Sumber ilmu tidak pula terbatas kepada yang ditawarkan oleh institusi pendidikan formal. Ummah turut mempunyai kesempatan memperoleh ilmu, mengembangkan pengetahuan, dan meningkatkan kemahiran melalui pelbagai saluran tidak formal. Kini, pondok-pondok pengajian semakin berkembang, masjid-masjid terus diimarahkan dengan kegiatan keilmuan; demikian juga kelas-kelas pengajian yang dianjurkan oleh pertubuhan sukarelawan, begitu juga oleh badan swasta. Namun persoalannya, pada tahap manakah kita berjihad untuk menuntut ilmu sehingga berjaya mencetuskan perubahan terhadap diri, keluarga, masyarakat, agama dan negara. Justeru itu mimbar menyeru ummah bermuhasabah kepada tiga perkara berikut:

Pertama: Adakah ilmu yang dipelajari dapat mengenalkan ummah terhadap tujuan hidup, dan tanggungjawab sebagai hamba Allah SWT? Ilmu dengan kefahaman dan penghayatan dapat membentuk ummah hidup dalam sistem yang teratur dan sempurna, mematuhi segala perintah dan larangan Illahi, serta melaksanakan ibadah dengan penuh pengabdian. Ilmu dapat menyemaikan rasa cinta kepada Allah SWT dan rasa kasih kepada Rasulullah SAW; mentaati dan mencontohi sifat-sifat terpuji, serta menjauhi sifat-sifat tercela yang dimurkai Illahi.

Kedua: Adakah ilmu yang dipelajari dapat meningkatkan daya berfikir, membentuk minda berpandangan luas dan berpemikiran matang? Ilmu seharusnya menjadikan seseorang dapat berfikir secara objektif, berupaya menyelesaikan masalah secara bijak, menyuarakan pendapat secara bernas serta menghulurkan nasihat secara hormat. Ilmu yang difahami dan dihayati akan dapat membantu seseorang untuk mengenali dan membezakan antara

perkara yang hak dengan yang batil, juga membantu untuk menapis maklumat-maklumat yang diterima antara yang dusta dengan yang benar.

Ketiga: Adakah ilmu yang dipelajari difahami dan dihayati, lalu disebar dan diajarkan kepada orang lain agar ilmu berperanan meningkatkan peradaban dan tamadun ummah? Ilmu bertujuan meningkatkan tahap kemajuan pemikiran dan peradaban ummah; agar ummah terkeluar daripada pemikiran dan fahaman jahiliah, memerdekakan ummah daripada berjiwa hamba. Ilmu dapat membimbing pemimpin dan rakyat supaya hidup dalam prinsip keadilan, amanah dan kesederhanaan. Ilmu membentuk jati diri agama, bangsa, sejarah dan budaya agar ummah tidak mudah dipengaruhi oleh anasir-anasir luar yang merosakkan.

Jemaah Rahimakumullah

Mimbar menyenaraikan empat peringatan berikut:

Pertama: Jihad menuntut ilmu merupakan jihad yang perlu dilakukan sepanjang hayat; memerlukan pengorbanan tinggi dan semangat kental demi meninggikan kedudukan diri, martabat agama dan kemuliaan tamadun umat.

Kedua: Ilmu berperanan melenyapkan kejahilan dan kebatilan. Kejahilan dan kebatilan boleh menjerumuskan diri ummah melakukan kezaliman dan kejahatan akhlak; di samping melakukan perbuatan berunsur syirik, serta amalan-amalan yang merosakkan ummah seperti penyebaran fitnah, penipuan, dakyah palsu serta pengadudombaan ummah untuk terus berselisih.

Ketiga: Ilmu membentuk akhlak dan sahsiah terpuji. Akhlak dan sahsiah terpuji terbentuk apabila manusia mengenali dan menginsafi dirinya sebagai hamba Allah SWT, memahami segala yang diperintahkan serta setiap larangan Nya dalam bermuamalah sesama insan.

Keempat: Orang yang berilmu tidak sama dengan mereka yang tidak berilmu. Orang berilmu yang soleh dan bertakwa mendapat tempat dan kedudukan yang mulia di sisi Allah SWT.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁵ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁶ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin, serta mengikutinya daripada kalangan *Asyairah Maturidiah*. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا⁷
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ⁸، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ
وَالْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin

اللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَانصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخَوَاتِنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فَلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ أَهْلَهَا وَانصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِّرْ أَعْدَائَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

Ya Allah! Ya Rabbulalamin! Jadikan kami dalam kalangan hamba Mu yang mencintai ilmu. Kurniai kami kesihatan dan kesempatan untuk berjihad dengan ikhlas mendalami ilmu demi kebaikan diri, agama, bangsa dan negara. Jadikan kami hamba Mu yang semakin berilmu semakin tawaduk, kaya ilmu - kaya akhlak dan kaya budi pekerti agar dapat memberi manfaat kepada masyarakat.

Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki berlipat ganda, sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Aziz! Ya Qahhar! Lindungi Masjid al-Aqsa daripada dimusnahkan oleh rejim Zionis Israel dan limpahi ihsan Mu membela dan mengurniakan kemenangan kepada rakyat di bumi Palestin yang sedang menderita kerana perbuatan zalim rejim Zionis Israel dan sekutunya.

Ya Mu'min! Ya Muhaimin! Jauhi kami daripada kemurkaan Mu; jauhi kami daripada termasuk dalam kalangan orang-orang yang terhalang mendapat nikmat Mu; jauhi kami daripada kesengsaraan, bencana dan malapetaka. Jauhi kami daripada kejahilan dan kezaliman. Limpahi rahmat Mu agar negara kami berada dalam keadaan selamat dan makmur, rakyatnya hidup dalam suasana aman dan muhibah.

Ya Maalikal Mulk!, Lantiklah untuk urusan kami, orang-orang yang terbaik dalam kalangan kami. Jangan Engkau lantik untuk urusan kami, orang-orang yang terburuk dalam kalangan kami. Hindari negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah lagi ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Muiz! Ya Adzhiim! Ya Kabiir!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ
عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ ﴿فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ﴾.